



MAJLIS DAERAH KUBANG PASU
KOMPLEKS PENTADBIRAN KUBANG PASU
06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN
TEL : 04-9183300 / 04-9183309
FAKS : 04-9174057

BAHAGIAN KESIHATAN
UNIT PELESENAN

SYARAT-SYARAT AM LESEN PENJAJA

1. LESEN

- 1.1 Lesen yang dikeluarkan oleh pihak MDKP hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat pada setiap masa sewaktu menjalankan perniagaan.
- 1.2 Lesen hendaklah dipamerkan di dalam plet yang disediakan oleh MDKP supaya berkeadaan sempurna. Plet yang telah rosak atau hilang perlu diganti dengan menghubungi MDKP dengan kadar yang segera.
- 1.3 Gambar berukuran kad pengenalan pelesen hendaklah dilekatkan di ruang yang disediakan di dalam bil lesen.
- 1.4 Syarat-syarat lesen yang dikeluarkan hendaklah disempurnakan dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan surat serta mematuhi pada bila-bila masa sepanjang tahun.
- 1.5 Bayaran lesen hendaklah dijelaskan sebelum atau pada awal Februari setiap tahun.
- 1.6 Lesen tidak boleh disewa atau dipindah milik tanpa kelulusan MDKP.
- 1.7 Adalah diingat bahawa MDKP boleh membatalkan lesen tanpa memberi sebarang sebab. Selain dari kehendak-kehendak dan syarat-syarat yang tersebut, MDKP boleh mengeluarkan syarat-syarat tambahan dari masa ke semasa mengikut keadaan.

2. PENGURUSAN LESEN

- 2.1 Sebarang pertukaran alamat surat menyurat hendaklah diberitahu ke Unit Pelesenan MDKP dengan merujuk nombor akaun pada bil lesen.
- 2.2 Semua urusan berhubung dengan pertukaran tapak menjaja, pindah milik lesen atau sebarang pindaan lesen hendaklah dibuat di

UNIT PERLESENAN
MAJLIS DAERAH KUBANG PASU